



### Ayat Suci Minggu ini

Keluaran 19:2-6  
Mazmur 99:2-3, 5  
Roma 5:6-11  
Matius 9:36-10:8



✠  
"Dengarlah  
dengan telinga  
hatimu"

- St. Benediktus

EDARAN DALAMAN SAHAJA  
BUL 24/2026

Perkongsian dari hati seperti ini, iaitu perbualan-perbualan suci, tidak sering berlaku dalam dunia moden kita apabila kita ditarik ke pelbagai arah. Apabila kita memikirkan perbualan, kita sering memikirkan apa yang ingin kita katakan. Kita menyediakan isi, jawapan, dan pendapat kita. Kita memikirkan bagaimana kita mahu didengari. Namun, Tuhan mengundang kita masuk ke dalam perbualan dengan cara yang berbeza. Ia bermula bukan dengan bercakap, tetapi dengan mendengar. Bukan sekadar hadir. Bukan sekadar menunggu giliran kita untuk bercakap, tetapi mendengar sebagai satu tindakan yang suci.

Mendengar dengan cara ini bererti mengenali hati orang lain sebagai tanah suci. Seperti yang diingatkan oleh Paus Fransiskus, setiap orang perlu diterima sebagai "tanah suci", iaitu tempat di mana Tuhan sedang berkarya (Christus Vivit, 67). Apa yang mereka bawa, persoalan mereka, gerakan hati mereka, bahkan ketidakpastian mereka, mungkin merupakan tempat di mana Roh Kudus sudah bekerja. Apabila kita mendengar dengan seluruh hati dan roh kita, sesuatu akan berubah. Berlaku satu pertobatan yang tenang, bukan sahaja bagi orang yang berkongsi, tetapi juga bagi orang yang mendengar.

Pada saat itu, kita tidak lagi berada di luar kisah tersebut. Kita mula memikulnya bersama-sama.

Kita sering bercakap tentang panggilan untuk memulakan sesuatu, melangkah ke hadapan, dan memulakan sesuatu yang baharu. Namun, terdapat juga panggilan untuk menerima, mendampingi, dan menyokong. Kita tidak semua dipanggil untuk memimpin secara jelas pada setiap masa. Ada waktunya kita diundang untuk berdiri bersama, untuk menguatkan, dan untuk membantu menghidupkan apa yang telah dimulakan oleh orang lain. Hal ini tidak mengurangi tempat kita dalam Tubuh Kristus. Sebaliknya, hal ini menyatakan (Ef 4:11-12).

Mungkin inilah maksudnya: bertumbuh ke arah budaya mendengarkan. Ia bukan sekadar menyediakan ruang untuk suara-suara didengari, tetapi juga mengenali kesucian yang terkandung di dalamnya. Ia bukan sekadar berkongsi idea, tetapi juga mempertimbangkan bersama bagaimana Roh Kudus sedang bergerak dalam kalangan kita.

Maka, kita bertanya kepada diri kita dengan tenang: Adakah kita bersedia untuk mendengar dengan cara ini? **Adakah kita terbuka untuk mengenali kekudusan dalam diri satu sama lain? Dan adakah kita rela memberikan diri kita, agar apa yang Tuhan mulakan dalam diri seseorang dapat diteruskan bersama oleh ramai orang?** ✠

Diterbitkan oleh: Archdiocesan Pastoral Institute (API) | Emel: api@archkl.org

# NEWBEC

NEW WAY OF BEING CHURCH | Hari Minggu Biasa Ke-11 | 14 Jun 2026

BERJALAN BERSAMA KE ARAH SEBUAH GEREJA SINODAL DAN PROFETIK

*Umat Untuk Pemuridan Misionari*

FOKUS BULANAN: GEREJA: Menghidupi Sinodaliti



## Mengenali Hati sebagai Tanah Suci

Setiap orang yang merasakan dorongan untuk memulakan sesuatu, untuk menyahut gerakan Tuhan, memikul tugas yang berat di hadapannya. Sejak percikan awal itu muncul, bukan mudah untuk mengekalkannya. Apa yang bermula sebagai gerakan hati yang tenang boleh pudar dengan mudah sekiranya ia tidak menemukan ruang untuk diterima, dipelihara, dan dibiarkan berkembang. Agar hal ini dapat berlaku, ia perlu bermula dalam sebuah komuniti yang tahu mendengar, dan yang menyedari bahawa seseorang berkongsi daripada hati.